

UCAPAN PANGLIMA TENTERA LAUT SEMPENA MAJLIS
PELANCARAN SISTEM ePEMBELAJARAN TLDM 2.0
PADA 9 SEPTEMBER 2016

BISMILLAHIRAHMANNIRRAHIM

YANG BERBAHAGIA DATO' MOHD ZAINY BIN MOHAMED ZAIN, WAKIL KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERTAHANAN.

YANG BERBAHAGIA LAKSAMANA MADYA DATO' ANUWI BIN HASSAN, TIMBALAN PANGLIMA TENTERA LAUT.

YANG BERBAHAGIA LAKSAMANA MADYA DATO' MOHAMAD ROSLAN BIN RAMLI, PANGLIMA ARMADA TLDM YANG BERSIARAN SECARA LANGSUNG DI LUMUT.

YANG BERBAHAGIA LAKSAMANA MADYA DATO' ABDUL GHANI BIN OTHMAN, PANGLIMA BANTUAN TLDM DI LUMUT JUGA BERSIARAN SECARA LANGSUNG DI LUMUT.

YANG BERBAHAGIA TUAN NIK SHARIFIDIN BIN NIK MOHAMED, CHIEF EXECUTIVE OFFICER, UNITAR.

YANG BERBAHAGIA PROFESOR MADYA DR SAKINA SOFIA BINTI BAHAROM, VICE CHANCELLOR UNITAR.

MR CHRISTOPHE BENOIT, BUSINESS DEVELOPMENT DIRECTOR, DEFENCE CONSEIL INTERNATIONAL.

DATO'-DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI.

ASSALAMMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH
DAN SALAM SEJAHTERA.

SEGALA PUJI BAGI ALLAH S.W.T, SELAWAT DAN SALAM KE ATAS JUNJUNGAN BESAR NABI MUHAMMAD SALALLAHU' ALAIHI WASSALAM, PARA SAHABAT DAN KELUARGA BAGINDA.

ALHAMDULILLAH, BERSYUKUR KITA KE HADRAT ALLAH S.W.T KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN RAHMATNYA DAPAT KITA BERSAMA-SAMA HADIR KE MAJLIS PELANCARAN SISTEM ePEMBELAJARAN TLDM 2.0

SAYA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA HADIRIN KERANA DAPAT MELAPANGKAN MASA HADIR UNTUK MAJLIS PELANCARAN SISTEM ePEMBELAJARAN TLDM 2.0 INI.

DATO'-DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI.

SISTEM ePEMBELAJARAN TLDM 1.0 TELAH DILANCARKAN PADA TAHUN 2003 OLEH YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK, PERDANA MENTERI MALAYSIA YANG PADA KETIKA ITU MENJAWAT JAWATAN SEBAGAI MENTERI PERTAHANAN.

SISTEM ePEMBELAJARAN TLDM 1.0 HANYA MAMPU DILAKSANAKAN SEHINGGA KE FASA DUA DARIPADA EMPAT FASA YANG DIRANCANG KERANA KEKANGAN KEWANGAN. FASA PERTAMA DAN KEDUA TELAH SELESAI

DILAKSANAKAN PADA PENGHUJUNG TAHUN 2008. DENGAN HANYA 50% PELAKSANAANNYA, SISTEM TERSEBUT TELAH BERFUNGSI DENGAN TERHAD KERANA KESUKARAN PENCAPAIAN MELALUI PLATFORM *INTRANET* (TLDMNET). JUSTERU, PENGGUNAANNYA HANYA TERHAD MELALUI MAKMAL KOMPUTER DI BEBERAPA FAKULTI DI PUSAT-PUSAT LATIHAN TLDM SAHAJA.

TLDM KINI TELAH MENGORAK LANGKAH DENGAN MELAKSANAKAN KAJIAN PENANDARASAN (COMPARISON STUDY) DENGAN BEBERAPA UNIVERSITI DAN PUSAT LATIHAN TEMPATAN DAN LUAR NEGARA. TLDM TELAH MEMILIH UNIVERSITI TUN ABDUL RAZAK (UNITAR) SEBAGAI PENASIHAT DAN RAKAN STRATEGIK UNTUK MENCORAK SEMULA HALATUJU ePEMBELAJARAN TLDM BERDASARKAN PENGALAMAN DAN KEJAYAAN UNITAR DALAM PROGRAM K-FORCE. KERJASAMA DAN KOMITMEN YANG DIBERIKAN OLEH UNITAR KEPADA TLDM TELAH MEMBUAHKAN HASIL YANG AMAT MEMBERANSANGKAN IAITU:

1. PENAMBAHAN BAHAN ePEMBELAJARAN (COURSEWARE) KE DALAM SISTEM ePEMBELAJARAN TLDM 2.0.
2. PENAMBAHBAIKKAN PAPARAN PENGGUNA (USER INTERFACE) YANG LEBIH INTERAKTIF DAN MESRA PENGGUNA (USER FRIENDLY).
3. MENTRANSFORMASIKAN CAPAIAN DARIPADA RANGKAIAN TERTUTUP INTRANET (TLDMNET) KEPADA RANGKAIAN TERBUKA INTERNET SECARA SELAMAT.

4. MELAKSANAKAN MIGRASI DARIPADA KONSEP MAKMAL KOMPUTER KE KONSEP *BRING YOUR OWN DEVICE* (BYOD).

5. MEWUJUDKAN *VIRTUAL LEARNING PLATFORM* YANG LEBIH MENARIK BERKONSEPKAN PEMBELAJARAN 'DI SEBILANGAN WAKTU, DI MANA SAHAJA, DI HUJUNG JARI' (ANYTIME, ANYWHERE, AT FINGERTIPS).

DATO'-DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI.

DENGAN PELAKSANAAN SISTEM ePEMBELAJARAN TLDM 2.0 INI, TLDM YAKIN DENGAN KEUPAYAAN YANG TELAH DITAMBAHBAIK AKAN MENINGKATKAN PENDEKATAN PEMBELAJARAN DAN LATIHAN TLDM SETARAF DENGAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DAN PUSAT LATIHAN DALAM DAN LUAR NEGARA YANG BERTARAF DUNIA.

PELANCARAN SISTEM ePEMBELAJARAN TLDM 2.0 INI MEMBUKTIKAN TLDM SENTIASA KOMITED DALAM MEMBANGUNKAN MODAL INSAN YANG KOMPETEN DENGAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI SEMASA BAGI MENYOKONG PROGRAM '15 TO 5' TLDM. MELALUI INISIATIF INI, PENJIMATAN BERKESAN (EFFICIENCY SAVINGS) DAPAT DICAPAI DI MANA JUMLAH WAKTU WARGA TLDM MENINGGALKAN TEMPAT KERJA UNTUK BERADA DI KELAS BERKURSUS DAPAT DIKURANGKAN. SEBAGAI PERMULAAN, SEBANYAK 60% PEMBELAJARAN AKAN DILAKSANAKAN

SECARA *ONLINE* DENGAN SASARAN DI MASA AKAN DATANG SEBANYAK 80%. SISTEM ePEMBELAJARAN TLDM 2.0 INI JUGA AKAN MENJIMATKAN PENUGASAN DAN BEBANAN JURULATIH KERANA PELATIH BOLEH MENGULANGI PEMBELAJARAN (REPETITIVE LEARNING) 'DI SEBILANGAN WAKTU, DI MANA SAHAJA, DI HUJUNG JARI' DENGAN KOS YANG MINIMUM.

SISTEM ePEMBELAJARAN TLDM 2.0 INI JUGA AKAN DIRANGKAIKAN DENGAN RANGKAIAN SATELIT X-BAND SUPAYA PELATIH AKAN BERUPAYA UNTUK MENJALANI KURSUS DAN LATIHAN WALAUPUN MEREKA BERADA DI KAPAL SEMASA DI LAUT. INISIATIF INI JUGA MERUPAKAN SATU LANGKAH TRANSFORMASI YANG INOVATIF DALAM PENGGUNAAN TEKNOLOGI UNTUK MENGHASILKAN WARGA TLDM YANG KOMPETEN, SEJAJAR DENGAN HASRAT TLDM MENJADI TENTERA LAUT BERTARAF DUNIA.

TLDM MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA BAHAGIAN PERKHIDMATAN AWAM KEMENTAH ATAS SOKONGAN DALAM PEMBANGUNAN SISTEM ePEMBELAJARAN TLDM 2.0 DAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN SERTA UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA UNITAR ATAS KHIDMAT NASIHAT DAN KOMITMEN YANG DIBERI DALAM PEMBANGUNAN SISTEM ePEMBELAJARAN TLDM 2.0. SESUNGGUHNYA TLDM SENTIASA MENGALU-ALUKAN KOLABORASI STRATEGIK SEPERTI INI.

SEKIAN, SAYA AKHIRI DENGAN WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMMUALIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH. TERIMA KASIH.